

08 JUL 2002

Rais-Hudud

RAKYAT PIHAK TERBAIK PERSOAL HUDUD TERENGGANU

PUTRAJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Rakyat di Terengganu dianggap pihak yang terbaik untuk menunjukkan di mahkamah bahawa rang undang-undang hudud yang sedang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu sekarang bercanggah dengan undang-undang hudud sebenar dan juga undang-undang negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata: "Sekiranya kerajaan pusat mengambil langkah ini (membawa ke mahkamah), nanti ianya mungkin berbau politik ataupun dikatakan kerajaan pusat sengaja tidak memberi peluang kepada rakyat menentukannya.

Daripada segi undang-undang negara, undang-undang hudud Pas Terengganu ini boleh ditafsirkan sebagai bukan hudud dan qisas sebenar sepertimana yang dihuraikan oleh pelbagai pakar dalam bidang syariah dan perundangan negara, kata beliau.

"Ianya lebih merupakan sistem politik dan gesaan politik Pas Terengganu semata-mata," kata beliau ketika sidang media selepas menerima kunjungan hormat Pengarah Kanan Hal Ehwal Asia, Majlis Keselamatan Negara, Amerika Syarikat, James Moriarty.

Kerajaan Pas Terengganu seolah-olah menampakkan bahawa dengan isu ini, isu pembangunan dan masalah sosial masyarakat di Terengganu boleh diketepikan dahulu, dan menambah kata bahawa Pas berlindung di bawah payung permasalahan hudud.

Kata Rais, perbuatan Kerajaan Negeri Terengganu mengemukakan rang undang-undang jenayah seperti rang Undang-Undang Jenayah (Qisas dan Hudud) ini sudah melanggar Perlembagaan.

Kerajaan pusat akan halusi undang-undang hudud ini sebab proses pembentangnya harus ditunggu sehingga ia menjadi undang-undang.

"Sesungguhnya, kerajaan pusat tidak ada membuat apa-apa bantahan setakat ini dalam bentuk yang formal ataupun menerusi sistem kehakiman. Yang penting sekarang ini ialah bagi rakyat negeri Terengganu memahami masalah serta implikasi kepada undang-undang hudud Pas Terengganu ini," katanya.

Kata Rais, implikasi serta masalah undang-undang hudud Pas itu banyak, terutama daripada segi pentadbiran dan juga perundangan.

"Daripada segi pentadbirannya, pelaksanaan undang-undang ini akan bertembung dengan masalah pentadbiran antara negeri dan negeri, dan negeri Terengganu sendiri dengan Kerajaan Persekutuan," kata beliau.

"Saya dukacita oleh kerana pakar undang-undang Pas Terengganu langsung tidak memberi perhitungan kepada Perkara 74 dan 75 serta Jadual yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia yang menghalang mewujudkan sebarang undang-undang jenayah selain oleh Persekutuan sendiri," kata beliau.

"Sebaik-baiknya nasihat itu diberi tempoh hari. Mungkin juga telah diberi tetapi tidak diendahkan oleh kerajaan negeri Terengganu," kata beliau.

Beliau mengakui bahawa kerajaan Pas Terengganu tidak wajib untuk mengemukakan rang undang-undang itu kepada kerajaan Persekutuan sebelum dibentangkan.

Daripada segi pelaksanaannya, beliau bertanya adakah polis atau jabatan penguatkuasa lain yang akan menjalankan tugas penguatkuasaan, iaitu daripada segi tangkapan, pemenjarannya ataupun tindakan susulannya.

"Semua ini tidak lengkap dan belum lagi dihalusi oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Jika sistem pentadbirannya tidak cukup, bagaimana sesuatu

undang-undang itu hendak dijalankan," kata beliau.

Kata beliau, jika Terengganu tidak dapat memastikan (pelaksanaan dan pentadbiran) sistem itu sendiri, maka ia akan menjadi persoalan besar dan satu momokan kepada sistem undang-undang mereka yang tidak dapat dilaksanakan.

Mengenai kunjungan Moriarty, Rais berkata ia susulan kepada perkara-perkara yang terkandung dalam dokumen kerjasama yang ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Washington, Amerika Syarikat, Mei lalu.

Beliau berkata Malaysia dan Amerika Syarikat telah menandatangani perjanjian persefahaman untuk menangani masalah-masalah berkaitan pengganas.

"Jadi kami telah berbincang terjemahan dalam bentuk pelaksanaan perkara itu termasuk kemungkinan untuk latihan dan pertukaran maklumat yang dibenarkan antara satu negara dengan yang lain," tambah beliau.

-- BERNAMA

MSL AHH PR